



**PEKELILING  
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 26/1976**

*Permohonan Untuk Pendaftaran Dan Pengeluaran Hakmilik  
Sementara Di Bawah Kanun Tanah Negara*

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai perlunya pemohon yang telah diluluskan mengemukakan permohonan untuk pendaftaran dan pengeluaran suratan hakmilik sementara.

2. Seksyen 180(1), 183 (1), 184 dan 185 (1) Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa pemohon yang telah diluluskan untuk pemberianmilik, pecah sempadan, pecah bahagian dan penyatuan bolehlah memohon secara bertulis untuk pendaftaran hakmilik sementara, iaitu, ia perlulah mengemukakan permohonan secara bertulis untuk membolehkan Pemungut menyedia dan mendaftar dokumen atau dokumen-dokumen hakmilik sementara yang akan memberi kepadanya hak-hak sebagai tuannya sesebidang tanah. Permohonan ini hendaklah disertakan dengan wang bayaran yang dikenakan kecuali pemohon ialah seorang yang menduduki tanah itu di bawah sesuatu permohonan yang diluluskan dengan harapan mendapat hakmilik. Oleh kerana rupa bentuk borang permohonan belum lagi ditetapkan oleh undang-undang, maka borang seperti di Lampiran 'A' hendaklah digunakan. Borang ini hendaklah difailkan di dalam fail yang berkenaan.

3. Seksyen 177(3) Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa suratan hakmilik keluaran bagi hakmilik sementara tidak boleh disediakan melainkan permohonan mengenainya telah diterima dari tuannya atau bakal tuannya (pemohon yang telah diluluskan). Adalah difikirkan bahawa tidak perlu diadakan borang permohonan yang berasingan dan permohonan ini bolehlah dibuat menggunakan borang yang sama seperti di Lampiran 'A' yang telah diselaraskan.

4. Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan bahawa permohonan untuk pendaftaran hakmilik sementara mestilah terlebih dahulu diterima sebelum tindakan diambil bagi menyediakan mendaftarkannya dan permohonan di bawah seksyen 177(3) Kanun Tanah Negara mestilah juga diterima terlebih dahulu sebelum menyediakan dan menandatangani sesuatu surat hakmilik keluaran bagi hakmilik sementara.

5. Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil. 5/67 adalah dengan ini ditarik balik.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR  
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan*

P.T.TM 252/6-34

Kuala Lumpur

*Pengeluaran untuk Pendaftaran dan Pengeluaran Hakmilik (Hakmilik-hakmilik) Sementara di  
Bawah Kanun Tanah Negara*

- Saya,\*pemohon yang diluluskan/ \*wakil diri bagi pusaka..... .. simati mengenai tanah yang tersebut dalam jadual di bawah dengan ini memohon di bawah seksyen 180(1) Kanun Tanah Negara supaya dokumen hakmilik sementara mengenai tanah tersebut didaftarkan.
  
  - Saya, tuan punya tanah yang tersebut dalam jadual di bawah dengan ini memohon di bawah seksyen \*183(1)\*184/\*185(1) Kanun Tanah Negara supaya ..... dokumen (dokumen-dokumen) hakmilik sementara didaftarkan bagi Petak-petak yang ditunjukkan dalam pelan yang dikembarkan.
2. Sebagaimana yang dikehendaki bersama-sama ini saya kemukakan bayaran (bayaran-bayaran) yang ditetapkan berjumlah \$ .....
3. Saya juga memohon supaya surat hakmilik keluaran bagi hakmilik sementara disedia dan dikeluarkan kepada saya menurut peruntukan seksyen 177(3) Kanun Tanah Negara.

Tarikh : .....

.....

Tandatangan Pemohon

- JADUAL (untuk permohonan di bawah seksyen 180 (1) sahaja)

Bandar/ Pekan/ Mukim	Luas yang diluluskan	Tarikh Diluluskan	No. Fail Pejabat Tanah No. A.A.	Bayaran-bayaran dan No. Resit
				Hasil .....  Premium .....  Bayaran-bayaran Ukur .....  Tanda-tanda Sempadan .....  Pelan Hakmilik .....  Penyediaan dan Pendaftaran Surat hakmilik tetap

- Jadual (untuk permohonan di bawah seksyen 183(1)/184/185(1))

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. Lot	Jenis & No. Hakmilik	No. Fail Pejabat Tanah	No. Pendaftaran Gadaian	Rujukan Kaveat Pemegang Lien

\* Potong yang mana tidak berkenaan